

Politik Sabah tenang

Oleh **NURAINA HANIS**
ABD. HALIM
hanis.halim@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan keadaan politik di Sabah tenang ketika ini dan tidak berlaku cubaan menggulingkan kerajaan di negeri itu.

Menurut Perdana Menteri, beliau sendiri telah menghubungi semua pemimpin parti di Sabah dan beberapa isu telah dibincangkan dan diselesaikan susulan timbul ura-ura akan berlaku perubahan pentadbiran negeri itu sejak beberapa hari lalu.

“Saya telah hubungi semua,

- Cubaan tukar Ketua Menteri gagal
- 11 ADUN BN kekal sokong Hajiji

Datuk Seri Hajiji Noor (Ketua Menteri), Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal (Presiden Parti Warisan) dan Datuk Seri Bung Mokhtar Radin (Pengerusi BN Sabah).

“Malah, perbincangan juga

dilakukan dengan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (Pengerusi BN) dan Anthony Loke (Setiausaha Agung DAP). Nampaknya keadaan tenang sementara ini dan tiada apa-apa gejolak yang berlaku,” kata beliau ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Bukit Aman di sini semalam.

Bagi memastikan kestabilan politik di Sabah terjamin, Perdana Menteri berkata, beliau turut meminta Ketua Menteri untuk berbincang secara baik dengan parti-parti komponen.

“Saya nampak tidak ada apa-apa perkembangan cuma dimaklumkan ada beberapa isu

dan saya minta Ketua Menteri bincang dengan baik bersama rakan-rakan di Sabah,” katanya.

Sejak beberapa hari lalu dan kemuncaknya kelmarin, tersebar desas-desus cubaan menukar Ketua Menteri Sabah melalui ‘Langkah Kinabalu’ yang dikatakan ada kaitan dengan gerakan daripada pemimpin Warisan dan BN.

Satu sidang akhbar sepatutnya diadakan petang kelmarin oleh Warisan dan BN secara berasingan tetapi kedua-dua majlis tersebut dibatalkan tanpa perincian lanjut.

Bersambung di muka 3